



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIK TARAF SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS) DI SEMENANJUNG MALAYSIA (FASA 1) TAHUN 2018 BAGI NEGERI MELAKA.

MELAKA - Program Pembinaan Semula dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah *Industrialised Building System* (IBS) di Semenanjung Malaysia (Fasa 1) Tahun 2018 merupakan projek dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Program ini menggunakan teknologi IBS sepenuhnya dan bertujuan memberikan keselesaan dan keselamatan kepada para pelajar dan guru yang menggunakan bangunan sekolah yang dikenalpasti uzur serta strukturnya didapati tidak dapat berfungsi dengan baik.

Sebanyak 10 buah sekolah terlibat bagi program ini di Negeri Melaka iaitu SK Kampung Tun Razak, SK Tun Syed Ahmad Shahabudin, SK Paya Dalam, SMK Pernu, SK Merlimau 1, SMK Tun Hj Abdul Malek, SK Durian Tunggal, SMK Bukit Rambai, SMK Paya Rumput, dan SK Paya Rumput dengan jumlah keseluruhan 109 bilik darjah.

Projek ini dibahagikan kepada 2 pakej. Pakej 1 dilaksanakan oleh Kontraktor Pembinaan & Letrik Mals Sdn Bhd dengan kos projek berjumlah RM 12,828,675.97 bagi lima buah sekolah (empat buah sekolah di daerah Melaka Tengah dan sebuah sekolah di daerah Jasin). Manakala Pakej 2 pula dilaksanakan oleh Kontraktor Castwell Industries (M) Sdn Bhd dengan kos projek berjumlah RM 11,772,815.06 bagi lima buah sekolah (empat buah sekolah di daerah Melaka Tengah dan sebuah sekolah di daerah Alor Gajah). Tarikh Milik Tapak kesemua projek ini adalah pada 7 Mac 2018 yang lalu.

Satu Majlis Penyerahan Projek oleh pihak kontraktor kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan seterusnya kepada pihak pelanggan iaitu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang diwakili Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka telah diadakan di SMK Paya Rumput hari ini. Majlis ini dihadiri YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia.

Penyerahan projek ini melibatkan dua buah sekolah daripada Pakej 1 dan tiga buah sekolah daripada Pakej 2. Terdahulu, sebanyak dua buah sekolah dari Pakej 2 telah diserahkan pada 9 Ogos 2018 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak tujuh buah sekolah yang telah diserahkan dengan jayanya. Baki tiga lagi sekolah dijangka diserahkan pada akhir Bulan September 2018.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Pakej 1 : Pembinaan & Letrik Mals Sdn Bhd

Bil	Projek	Bil. Bilik darjah	Tarikh Serah / Jangka Serah
1	SK Paya Dalam	10	13.9.2018
2	SMK Pernu	12	13.9.2018
3	SK Tun Syed Ahmad Shahabudin	11	25.9.2018
4	SK Kampung Tun Razak	12	25.9.2018
5	SK Merlimau	12	25.9.2018
JUMLAH:		57	

Pakej 2: Castwell Industries (M) Sdn Bhd

Bil	Projek	Bil Bilik Darjah	Tarikh Serah / Jangka Serah
1	SMK Tun Haji Abdul Malek	12	9.8.2018
2	SK Durian Tunggal	10	9.8.2018
3	SMK Bukit Rambai	10	13.9.2018
4	SMK Paya Rumput	8	13.9.2018
5	SK Paya Rumput	10	13.9.2018
JUMLAH:		52	

KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 SEPTEMBER 2018